

04/09/1998

Umno Pulau Pinang tidak bincang tindakan

BUTTERWORTH, Khamis - Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang pada mesyuaratnya Selasa lalu tidak membuat ikrar sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Ketuanya, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata mesyuarat itu yang dihadiri semua Ketua bahagian Umno Pulau Pinang kecuali Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menghadiri Sidang NAM di Afrika Selatan juga tidak membincangkan sebarang tindakan jika Anwar dipecat.

"Saya yakin Umno Pulau Pinang tidak akan berpecah berikutan pemecatan Anwar dan menyeru semua pemimpin di semua peringkat tenang dan tidak emosi.

"Kita tidak tahu perkara sebenar sehingga membawa kepada pemecatan itu.

"Oleh itu, ahli Umno perlu tunggu sehingga mendapat penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang saya pasti ada sebab yang kukuh.

"Polis sudah menjalankan siasatan mengenai dakwaan membabitkan Anwar. "Oleh itu, kita mesti yakin semua tindakan yang diambil Perdana Menteri dan percaya pada polis," katanya selepas menghadiri majlis Anugerah Kecemerlangan Sains di Sekolah Menengah Bakti, Tasek Glugor, dekat sini, petang ini.

Shariff berkata, Dr Mahathir sendiri yang membawa masuk Anwar ke dalam Umno dan `melatih' beliau sehingga ke jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Ini menunjukkan Dr Mahathir mempunyai kepercayaan penuh terhadap Anwar, tetapi oleh kerana keseriusan perkembangan terbaru yang dikatakan boleh menjejaskan kewibawaan beliau dan keselamatan negara, Dr Mahathir terpaksa mengambil tindakan yang pasti bukan mudah untuknya," katanya.

(END)